



SOALAN LAZIM (FAQs)

PERMOHONAN AGIHAN KEWANGAN GURU DAN KAKITANGAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT TAHUN 2026

PENGENALAN

- 1. Apakah jenis Agihan yang disediakan untuk guru dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Sekolah Agama Rakyat SECARA SEPENUH MASA?**

JAWAPAN:

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menyediakan agihan kewangan zakat kepada guru dan kakitangan yang sedang berkhidmat secara sepenuh masa di sekolah-sekolah agama rakyat yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) mengikut syarat-syarat tertentu.

- 2. Apakah Kategori Sekolah Agama Rakyat Yang Layak Untuk Permohonan Agihan Ini?**

JAWAPAN:

Semua kategori Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di bawah JHEAIK merangkumi :

- i. Maahad Tahfiz
- ii. Pondok/ Madrasah
- iii. Sekolah Menengah Agama (SMA)
- iv. Sekolah Rendah Agama (SRA)

- 3. Apakah tujuan agihan ini diberikan?**

JAWAPAN:

Tujuan agihan ini diadakan adalah untuk membantu para guru dan kakitangan yang berkhidmat sepenuh masa di sekolah-sekolah agama rakyat serta berpendapatan rendah di bawah paras gaji minima seperti yang ditetapkan oleh kerajaan di samping memartabatkan pendidikan agama di negeri Kedah.

- 4. Bilakah tarikh mula dan tutup permohonan agihan kewangan guru dan kakitangan SAR ini?**

JAWAPAN:

Dibuka bermula **30 Mac 2026** sehingga **30 April 2026**.

5. Berapakah jumlah Agihan yang diberikan oleh LZNK kepada setiap pemohon?

JAWAPAN:

RM 1,200.00 bagi satu fasa permohonan
(Januari, Februari, Mac, April, Mei, Jun)

**PERSOALAN ASAS PROSES AGIHAN KEWANGAN GURU DAN KAKITANGAN SAR
TAHUN 2026**

6. Apakah syarat-syarat untuk memohon Agihan Kewangan Guru dan Kakitangan SAR ini?

JAWAPAN:

Syarat Permohonan Agihan Kewangan Zakat kepada Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat adalah seperti berikut ;

- a) Pemohon sedang menetap di negeri Kedah dan berkhidmat di Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) secara **sepenuh masa**.
- b) Kategori pekerjaan pemohon yang layak memohon adalah seperti berikut :
 - i. Guru / Tenaga Pengajar (sepenuh masa)
 - ii. Pentadbiran Sekolah : Mudir/ Pengetua/ Guru Besar/ Penolong Kanan
 - iii. Kakitangan Sokongan : Kerani/ Pembantu Tadbir/ Pembantu Guru/ Penyelia Asrama/ Pembantu Koperasi
 - iv. Pekerja Am : Tukang Masak/ Tukang Cuci/ Pengawal Keselamatan/ Pemandu (Yang dibayar gaji oleh pihak sekolah)
- c) Tempoh berkhidmat di sekolah sekurang-kurangnya tiga puluh enam **(36) bulan**.
- d) Guru/ Kakitangan **Bukan** lantikan perkhidmatan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAIK).
- e) Jumlah pendapatan kasar bulanan **tidak melebihi RM 2,500.00**.

7. Bagaimana Kaedah Permohonan Agihan Khas Guru dan Kakitangan SAR ini?

JAWAPAN :

KATEGORI PERMOHONAN	KAEDAH PERMOHONAN
Penerima Agihan Fasa 1 & 2 Tahun 2025	Pengesahan secara berkumpulan oleh pihak Sekolah menggunakan borang yang Disediakan (AKB 01: Borang Pemutihan Semula agihan kewangan Bulanan Guru dan Kakitangan)
Permohonan yang baharu	Permohonan secara atas talian melalui pautan: https://agihan.zakatkedah.com.my/

Atau Portal Rasmi LZNK: (www.zakatkedah.com.my)

Klik Menu: APLIKASI ATAS TALIAN >> AGIHAN GURU DAN KAKITANGAN SAR



8. Apakah dokumen yang perlu dimuat naik bersama permohonan?

JAWAPAN ;

Dokumen yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut ;

1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
2. Borang Pengesahan Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat. (**Boleh Dimuat turun melalui : (<https://bit.ly/BorangPengesahanGuruSAR>)**)
3. **Salinan** Akaun Bank Pemohon (selain ASB dan Tabung Haji)

9. Dimanakah saya boleh dapatkan Borang Pengesahan Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat?

JAWAPAN :

Borang Pengesahan Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat boleh dimuat turun melalui pautan berikut: (<https://bit.ly/BorangPengesahanGuruSAR>)

10. Apakah yang perlu saya lakukan dengan Borang Pengesahan Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat?

- a) Pemohon perlu mengisi butiran peribadi dan maklumat sekolah dengan lengkap.
- b) Dapatkan tandatangan dan cop pengesahan daripada pihak sekolah (pengetua/ mudir/ guru besar/ pengerusi lembaga sekolah).
- c) *Scan* borang tersebut dan muat naik di ruangan yang disediakan di dalam borang permohonan agihan Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat.

11. Siapakah yang layak menandatangani Borang Pengesahan Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat?

JAWAPAN:

Pihak yang dibenarkan untuk membuat pengesahan adalah ketua pentadbiran sekolah yang memiliki autoriti seperti Mudir, Pengetua dan Guru Besar atau Pengerusi Lembaga Sekolah.

12. Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan status sekolah/ madrasah/ pondok/ maahad tempat saya berkhidmat; samada berdaftar atau tidak dengan JHEAIK?

JAWAPAN:

Pemohon boleh membuat semakan status pendaftaran sekolah dengan JHEAIK melalui dua (2) kaedah iaitu samada:

Pertama: Secara Manual

Semakan terus dengan pihak pentadbiran sekolah.

Kedua: Secara Atas talian

Semakan dibuat melalui portal Rasmi JAKIM (<https://simpeni.islam.gov.my/>).

13. Saya berkhidmat di Sekolah Agama Rakyat dan berpindah ke Sekolah Agama Rakyat yang lain, Adakah saya layak untuk membuat permohonan?

JAWAPAN

Permohonan ini layak sekiranya tempoh perkhidmatan di Sekolah Agama Rakyat yang pertama dan kedua mencukupi tempoh 36 Bulan.

14. Adakah saya layak membuat permohonan jika saya, hanya mempunyai passport atau Kad Pemastautin Tetap?

JAWAPAN:

Layak membuat permohonan dan perlu memenuhi syarat kelayakkan yang lain juga.

KATEGORI PEMOHONAN YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN

15. Jika saya berkhidmat di Sekolah Agama Rakyat yang terletak di Luar Negeri Kedah adakah saya layak untuk membuat permohonan?

JAWAPAN:

Tidak Layak kerana Agihan ini terhad kepada rakyat negeri Kedah yang berkhidmat di Institusi Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar dengan JHEAIK sahaja.

16. Jika saya berasal dari luar Negeri Kedah tetapi berkhidmat di Sekolah Agama Rakyat di Negeri Kedah. Adakah saya layak untuk membuat permohonan?

JAWAPAN:

Tidak Layak kerana tidak bermastautin atau menetap di Negeri Kedah.

17. Saya berkhidmat di Sekolah Agama Rakyat dalam Negeri Kedah, tetapi sekolah tidak berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, adakah saya layak?

JAWAPAN:

Tidak layak, Agihan ini terhad kepada rakyat negeri Kedah yang berkhidmat di Institusi Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar dengan JHEAIK sahaja.

PERSOALAN BERKENAAN PROSES PEMOHONAN DAN PEMBAYARAN

18. Adakah semua jenis akaun bank diterima LZNK?

JAWAPAN:

Semua jenis akaun simpanan diterima kecuali Tabung Haji, ASB dan seumpama dengannya.

19. Apakah maklumat yang perlu ada dalam salinan akaun bank/ penyata akaun bank pemohon?

JAWAPAN:

- a) Tiga maklumat penting dan wajib adalah: **Nama Pemilik Akaun, No Akaun Bank dan Nama Bank**. Sekiranya ketiga-tiga maklumat tersebut ada maka dokumen bank tersebut diterima.
- b) Pemohon hendaklah memastikan maklumat no akaun bank diisi dengan betul dan tepat dalam borang permohonan.

20. Saya tiada akaun bank, bolehkah saya menggunakan akaun bank pasangan atau anak sebagai dokumen sokongan?

JAWAPAN:

Tidak boleh. Sekiranya pemohon tiada akaun bank, pembayaran agihan zakat guru dan kakitangan SAR akan dibuat secara Baucar E-Dana.

21. Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan dan pembayaran Agihan Khas Guru dan Kakitangan SAR?

JAWAPAN:

Setiap status permohonan akan dihantar melalui **emel** pemohon. Sila pastikan emel yang dimasukkan adalah tepat.

Atau pemohon boleh membuat semakan melalui;

<https://www.zakatkedah.com.my/semakan-bantuan/>

22. Bagaimanakah cara untuk saya berhubung dengan LZNK bagi mendapatkan keterangan lanjut?

JAWAPAN :

Untuk keterangan lanjut, boleh menghubungi samada :

- a) No Telefon Rasmi Divisyen Pendidikan, Lembaga Zakat Negeri Kedah :
0134592071, *atau*
- b) Talian Bebas Tol : 1-800-88-1740 (EXT:521)

23. Apakah kes-kes yang menyebabkan permohonan Agihan ini DITOLAK?

JAWAPAN :

- a) Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan
- b) Tidak mengemaskini permohonan dalam tempoh 14 Hari selepas menerima maklum balas untuk mengemaskini maklumat

24. Apakah jenis permohonan yang akan masuk dalam status TIDAK LENGKAP?

JAWAPAN :

Kes permohonan TIDAK LENGKAP adalah seperti berikut ;

- a) Kad Pengenalan Pemohon tidak jelas.
- b) No Kad Pengenalan Pemohon tidak tepat.
- c) Akaun Bank Pemohon tidak memenuhi kriteria ditetapkan (Nama Bank, Penama dan No Akaun).
- d) Butiran Permohonan tidak sama dengan dokumen yang dilampirkan; sebagai contoh pemohon memasukkan maklumat sekolah yang berbeza dengan Borang Pengesahan Guru dan Kakitangan yang dimuat naik.
- e) Tidak melampirkan bersama dokumen yang diperlukan.
- f) Sebahagian atau semua dokumen sokongan tidak boleh dibaca (*file error*).

Nota : Pemohon akan menerima SMS dan emel untuk sebarang penambahbaikan yang perlu dikemaskini. Sekiranya pemohon tidak mengemaskini permohonan dalam tempoh 14 hari selepas tarikh makluman diberikan, maka permohonan akan DITOLAK.

PERINGATAN

1. Semua pemohon diingatkan supaya mengisi permohonan dengan betul dan tepat. Bagi mengelakkan kesilapan berlaku, pemohon sangat digalakkan untuk membuat semakan semula setelah menghantar permohonan. Sekiranya masih terdapat kesilapan boleh betulkan kesilapan tersebut. Begitu juga semua dokumen yang telah dimuat naik sila pastikan jelas dan boleh dibaca.

-TAMAT-